

NO. SOALAN : 94

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB PUAN HAJAH FUZIAH BINTI
SALLEH**

TARIKH : 25 JULAI 2017 (SELASA)

SOALAN : 94

YB Puan Hajah Fuziah Binti Salleh [Kuantan] minta PERDANA MENTERI menyatakan:

- a. berapakah jumlah bot nelayan asing yang mencero boh memasuki ke perairan negara setiap tahun untuk 10 tahun kebelakangan; dan
- b. apakah bentuk tindakan yang dikenakan ke atas bot nelayan asing yang mencero boh perairan negara Malaysia.

JAWAPAN: YB. DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di-Pertua,

a) *Malaysia Coast Guard* (Maritim Malaysia) sentiasa melaksanakan rondaan dan juga pemeriksaan ke atas vesel-vesel yang melalui kawasan perairan Negara. Seperti semua sedia maklum *Malaysia Coast Guard* juga memandang serius akan perkara ini. Statistik menunjukkan sebanyak **989 kes** pencerobohan bot nelayan asing yang berjaya ditahan dari tahun 2006 hingga 2017 seperti jadual di bawah:

Jadual Tangkapan Bot Nelayan Asing Tahun 2006-2017

TAHUN / NEGARA	VIETNAM	INDONESIA	THAILAND	FILIPINA	CHINA	SINGAPUR	BRUNEI	TAIWAN	JUMLAH
2006	20	14	3	0	0	0	0	0	37
2007	34	31	18	1	1	4	0	0	89
2008	40	25	13	1	2	0	0	0	81
2009	63	44	25	2	1	2	0	0	137
2010	60	35	8	0	0	0	1	0	104
2011	26	31	10	0	2	0	0	0	69
2012	42	11	4	0	0	0	0	0	57
2013	33	25	3	0	0	0	0	0	61
2014	46	19	8	1	0	0	0	0	74
2015	63	36	7	1	0	0	0	0	107
2016	64	39	1	3	0	0	0	1	108
2017	58	7	0	0	0	0	0	0	65
JUMLAH	549	317	100	9	6	6	1	1	989

(b) Kesemua kes tangkapan bot nelayan asing (BNA) disabitkan atas kesalahan menceroboh perairan Negara, di bawah Seksyen 15(1)(a) Akta Perikanan 1985

kerana melakukan aktiviti menangkap ikan secara haram di perairan negara. Kesemua bot dan kapal yang ditahan akan dilucutkan hak dan sebahagian besar daripadanya dilelong manakala bot dan kapal yang sudah usang dilupuskan dan dijadikan tukun tiruan oleh kepada kerajaan Malaysia.

Sekian, terima kasih.